

Selatan/Timur

Tengku Hassanal Ibrahim dimasyhur Canselor KUIPSAS

Pemangku Raja Pahang terharu diberi kepercayaan galas tanggungjawab

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah dimasyhurkan sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) pada Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Ke-18 KUIPSAS di sini, semalam.

Baginda dimasyhurkan sebagai Canselor KUIPSAS kedua, mengantikan nenda baginda, Alma-

rhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah.

Istiadat pemasyhuran disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail yang juga Pro Canselor KUIPSAS.

Tengku Hassanal Ibrahim ketika bertitah melahirkan rasa terharu dengan kepercayaan diberikan bagi menggalas tanggungjawab besar dan berjanji akan meneruskan hasrat serta kepemimpinan Almarhum Paduka Ayahanda yang ingin melihat KUIPSAS terus berkembang.

“Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama semua hadirin pada Majlis Konvokesyen KUIPSAS yang bersejarah ini dan saya difahamkan dalam usia 23 tahun, KUIPSAS berjaya melahirkan lebih 5,000 graduan,” titahnya.

Pada majlis itu, 360 graduan menerima diploma dalam pelbagai bidang pengajian.

Baginda mengingatkan graduan tidak cepat berpuas hati dan leka dengan kejayaan kerana perjalanan hidup masih jauh.

“Graduan tidak harus berasa cukup dengan kejayaan diperoleh, namun perlu memastikan jati diri diperkujuh dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan tuntutan semasa



Wan Rosdy memakaikan jubah Canselor KUIPSAS kepada Tengku Hassanal Ibrahim pada Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Ke-18 KUIPSAS di Kuantan, semalam.

(Foto Shahrinnahar Latib/BH)

seperti kemahiran berkomunikasi, kepemimpinan tinggi dan bidang keusahawanan.

“Selain itu, graduan juga perlu terus berbakti kepada KUIPSAS, termasuk membabitkan diri secara aktif sebagai alumni kolej

universiti berkenaan,” titahnya.

Baginda turut berharap semua graduan memberi sumbangan bagi memajukan dan membantu KUIPSAS terus maju dan mampu melahirkan graduan berkualiti.